



# LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MALAYSIAN PALM OIL BOARD)

## NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa dari syarikat - syarikat yang berpengalaman dan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** bagi perkara berikut :-

NO & TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH, MASA DAN TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN	SYARAT PENDAFTARAN	PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI
<b>MPOB(SH/P/EID)04/2024</b>  PEMBEKALAN EMPAT (4) UNIT KOMPUTER RIBA (LAPTOP) UNTUK PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN MODEL LADANG SAWIT BERTERASKAN MEKANISASI DAN AUTOMASI (PROJEK RP4-RMK-12)	<b>Tarikh Pengambilan Dokumen Sebut Harga:</b>  6 Jun 2024 (Khamis) Sehingga 14 Jun 2024 (Jumaat)  <b>Masa:</b> 9.00 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang  <b>Tempat:</b> Wisma Sawit Pejabat Am, Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri, Aras 1, No.6, Jalan Perbandaran, Ss 6, 47301 Petaling Jaya, Selangor	<b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</b> <b>Kod Bidang:</b>  <b>210101</b> <i>Hardware (low end technology) - Supply all types of computer hardware including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance;</i>  dan  <b>210103</b> <i>Software – Supply all computer software, operating system, database, off-the-shelf packages including maintenance.</i>  dan  <b>Sijil Pendaftaran Bumiputera (jika ada)</b>	<b>1.Mengenai Syarat-Syarat Dan Spesifikasi Sebut Harga</b>  Pegawai Bertanggungjawab :  Pn. Rosearnida Senawi (603-7802 2878)  <b>2.Mengenai Syarat-Syarat Am Sebut Harga</b>  Pegawai Bertanggungjawab :  En. Muhammad Nazari Satiman (603-7802 2903)

1. Dokumen sebut harga diberi secara percuma kepada Syarikat-syarikat yang berminat menyertai dan berkelayakan mulai 6 Jun 2024 (Khamis) sehingga 14 Jun 2024 (Jumaat) pada masa dan di Alamat seperti jadual di atas.
2. Hanya pemilik syarikat (Penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM) atau wakil sah syarikat dengan Surat Perwakilan Kuasa adalah dibenarkan untuk mengambil dokumen sebut harga.
3. Salinan Sijil MOF yang berkenaan dan salinan Sijil Pendaftaran Bumiputera (jika ada). Sesalinan sijil yang berkenaan hendaklah diserahkan kepada MPOB untuk simpanan. Sila bawa cap syarikat semasa berurusan dengan MPOB.
4. Penyebut harga boleh menghubungi Pegawai Bertanggungjawab sepertimana dijadual di atas untuk mengetahui lebih lanjut perihal sebut harga ini.
5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada atau sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga di alamat: **Peti Tender/Sebut Harga, Kaunter Kewangan, Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.**
6. Tarikh dan masa tutup sebut harga adalah **pada 19 Jun 2024 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang **lewat** diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**Keutamaan dan kelebihan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.**